



**IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA**

**WISMA TANI, BLOK PODIUM 4G1, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA**

**Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051 (KPPV)
Email: kp@dvs.gov.my**



**KENYATAAN MEDIA DARIPADA
YANG BERTHORMAT
DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB**

**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

MAJLIS PELANCARAN PENANDAAN KARKAS

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan Majlis Pelancaran Penandaan Karkas pada hari ini. Saya mengucapkan syabas kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) kerana berjaya menganjurkan majlis ini.

Saya juga berterima kasih kepada pengusaha Daging Segar, penternak, persatuan penternak, pembekal ternakan, syarikat swasta, NGO serta individu yang terlibat dalam menjayakan majlis hari ini.

Kerjasama sebegini akan memberi kesan yang bermakna kepada negara terutamanya dalam usaha meningkatkan kefahaman dan membetulkan persepsi pelbagai pihak terhadap **tahap rantai jaminan bekalan daging yang berkualiti, bersih serta**

mematuhi peraturan kesihatan awam veterinar dalam keselamatan makanan.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) adalah Jabatan yang bertanggungjawab dalam memastikan setiap ternakan yang disembelih di Rumah Sembelih Jabatan mahupun pusat penyembelihan yang dilesen mengeluarkan **karkas yang berkualiti, bersih dan mematuhi peraturan Kesihatan Awam Veterinar dalam keselamatan makanan.**

Bagi menjamin hanya ternakan yang sihat sahaja disembelih, kawalan pergerakan ternakan ke rumah sembelih perlu dilaksanakan dengan memastikan ternakan tersebut mempunyai **sijil kesihatan veterinar** dan **permit pemindahan ternakan** yang dikeluarkan oleh DVS negeri.

Dalam memastikan ternakan sihat dan bebas dari penyakit, pemeriksaan ante-mortem dilakukan sebelum ternakan di sembelih di rumah sembelih. Justeru, setiap karkas yang dikeluarkan akan diperiksa oleh pemeriksa veterinar dan hanya karkas yang lulus pemeriksaan veterinar sahaja akan ditanda dengan lagenda pada karkas tersebut. Walaubagaimanapun, sistem penandaan karkas dengan lagenda ini mempunyai kelemahan yang mana ianya sukar dibaca dan mudah ditiru.

Untuk itu, DVS telah membuat penambahbaikan dengan menyediakan tag penandaan karkas yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi dan sistem dayajejak. Tag Penandaan karkas ini dibahagikan kepada tiga (3) kategori iaitu **K1**

berwarna ungu, K2 berwarna kuning dan K3 yang berwarna merah. Penandaan karkas ini berupaya memberi maklumat mengenai karkas dari segi **tarikh** dan **tempat ternakan disembelih, nama pemeriksa daging** yang telah menjalankan pemeriksaan terhadap karkas berkenaan.

Tag penandaan karkas K1 yang berwarna Ungu yang membawa maksud tag ini dipasang pada karkas yang dikeluarkan dari rumah penyembelihan yang dilesenkan atau diluluskan. Rumah penyembelihan tersebut mempunyai pemeriksa veterinar dan program jaminan keselamatan makanan.

Bagi tag penandaan karkas K2 yang berwarna kuning, ia di digunakan di rumah penyembelihan yang dilesenkan serta pemeriksaan veterinar di pantau oleh DVS.

Manakala **tag penandaan karkas K3 yang berwarna merah** bermaksud sembelihan dilakukan di luar rumah penyembelihan yang dilesenkan atau yang diluluskan namun mempunyai akuan kebenaran sembelihan dan dipantau secara rapi oleh DVS.

Pengguna atau orang awam tidak perlu ragu tentang kualiti, kebersihan dan keselamatan awam veterinar sekiranya mereka membeli daging dari karkas yang mempunyai tag penandaan karkas sama ada di hypermarket mahupun pasar tani.

Karkas yang ditanda dengan tag penandaan ini juga mempunyai sistem daya jejak dimana ianya mampu mengesan dengan mudah **pemilik ternakan, pusat penyembelihan, pegawai yang memeriksa karkas** serta **tarikh ternakan disembelih**.

Akhir kata, penggunaan tag penandaan karkas ini dapat meningkatkan keyakinan pengguna bahawa karkas tersebut telah menjalani satu proses yang memberi kepastian bahawa ianya berkualiti, bersih dan selamat untuk dimakan serta mematuhi peraturan kesihatan awam veterinar. Proses penyembelihan yang dijalankan juga disempurnakan oleh penyembelih bertauliah dan mematuhi aspek kebajikan haiwan.

Sebagai permulaan, tag penandaan karkas ini akan dilaksanakan di **25 buah rumah penyembelihan ruminan DVS**. Adalah menjadi harapan pada masa hadapan ianya akan diperkembangkan kepada **pusat-pusat penyembelihan ruminan yang dilesen, pusat-pusat penyembelihan unggas** serta **pusat penyembelihan babi**.

Y.B DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

16 JUN 2014